

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN**  
**TARIKH: 17 DISEMBER 2016 (SABTU)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Program usahawan tani komprehensif di Tuaran tahun depan - Madius	BERNAMA

**BERITA ONLINE  
BERNAMA.COM**  
**TARIKH: 17 DISEMBER 2016 (SABTU)**



## **Program Usahawan Tani Komprehensif Di Tuaran Tahun Depan - Madius**



Datuk Seri Madius Tangau

KOTA KINABALU, 16 Dis (Bernama) -- Satu program pembangunan usahawan tani bersifat komprehensif bakal diwujudkan di Tuaran tahun depan bagi membangunkan petani berpotensi dan berminat dalam sektor itu untuk menjadi usahawan tani berjaya.

**Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Madius Tangau** berkata program bersifat holistik itu merupakan satu program percubaan melibatkan pelbagai agensi kerajaan persekutuan dan negeri serta lain-lain agensi yang berkaitan.

"Program ini diperlukan kerana kadang-kadang ada usahawan kita memiliki teknologi tetapi tidak dapat menjalankan perniagaan disebabkan masalah pembiayaan. Contohnya fertigasi halia, kita memerlukan RM15,000 untuk teknologi fertigasi sahaja, untuk melaksanakannya, memerlukan pembiayaan lain.

"Selepas dapat hasil, perlukan pasaran pula dan pembeli. Sebab itu, kita perlu apa yang Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak sentiasa sebut iaitu Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS).

"Kita tidak mahu berfikir silo atau syok sendiri. Kita mahu semua agensi bekerjasama, sama ada agensi negeri atau persekutuan. Dengan cara ini, barulah kita dapat bantu usahawan dan rakyat secara menyeluruh," katanya.

Madius berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Bengkel Teknologi Kultur Tisu Tumbuhan untuk Usahawan Muda dan Bengkel Pembangunan Usahawan Desa Dalam Penanaman Cendawan anjuran Institut Agro-Bioteknologi Malaysia (ABI-NIBM) bersama Koperasi Bela Rakyat (Kobera), Lembaga Pembangunan Ekonomi dan Pelaburan Sabah (SEDEIA) dan Koperasi Pembangunan Desa (KPD) di sini hari ini.

Menurut Madius melalui program seumpama itu, usahawan akan mendapat latihan dan pemantauan berterusan daripada agensi terlibat bagi memastikan mereka menjalankan perniagaan serta menggunakan teknologi yang betul.

Madius berharap usahawan tani yang dibimbing melalui program berkenaan bukan sahaja akan berfikir bahawa pertanian itu satu perniagaan malah dapat melipatgandakan pendapatan dan pengeluaran mereka melalui penggunaan teknologi.

"Ekosistem usahawan tani di Sabah sudah dibuat. KPD sudah menjadi satu agensi yang sekian lama memainkan peranan sebagai pembeli dan sebagainya. Jadi penggunaan teknologi dalam perusahaan pertanian amatlah penting," katanya.

Sementara itu, Madius juga berkata sebuah fasiliti nurseri yang lengkap dengan sistem fertigasi akan dibina di Tuaran tahun depan bagi menempatkan tumbuhan yang dihasilkan dari teknik kultur tisu manakala fasiliti penanaman cendawan tiram yang dinamakan 'SMART Mushroom House' akan dibina di Kimanis, Papar.

-- BERNAMA